

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/1 Jld. 2 (100)
Tarikh : 17 Jun 2020

**Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN BERHUBUNG KEHADIRAN GURU KE TEMPAT BERTUGAS DAN
PERSEDIAAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, YB Menteri Kanan Pendidikan telah membuat pengumuman bahawa sekolah akan dibuka semula pada **24 Jun 2020**. Tempoh masa sehingga tarikh tersebut merupakan jangka masa kritis untuk pihak sekolah membuat persediaan rapi dengan sewajarnya. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Siaran KPM Bilangan 5 Tahun 2020: Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 4 Jun 2020 sebagai rujukan kepada semua institusi pendidikan termasuk Kolej Vokasional dan Kolej Tingkatan Enam (6) di bawah KPM dan Institusi Pendidikan Swasta yang berdaftar dengan KPM.

3. KPM juga telah membuat ketetapan berkaitan pergerakan guru ke tempat bertugas melalui Surat Pemakluman Mengenai Arahan Kepada Guru Kembali Ke Tempat Bertugas bertarikh 4 Jun 2020. Pengetua dan Guru Besar (PGB) perlu memberikan pertimbangan kepada guru untuk **kembali ke tempat bertugas dan melaksanakan tugas di sekolah**. Ketetapan ini selaras dengan Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bilangan 2 Tahun 2020: Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam Bagi Tempoh Semasa Dan Selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bertarikh 6 Mei 2020. Kehadiran guru ke sekolah sebagai penjawat awam adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [(P.U.(A) 395/1993)] dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Ketidakpatuhan terhadap peraturan dan arahan ini membolehkan tindakan tatatertib diambil oleh Ketua Jabatan.

4. Kehadiran semua guru ke sekolah mulai **7 Jun 2020** (Sekolah Kumpulan A) dan **8 Jun 2020** (Sekolah Kumpulan B) adalah atas arahan PGB untuk melaksanakan pelbagai tugas. Antaranya ialah:

- (a) Membuat persiapan agar sekolah bersedia sepenuhnya untuk menerima kehadiran semua murid secara berperingkat. Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) khususnya berkaitan amalan penjarakan sosial, penjagaan kebersihan dan mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 mesti diberi keutamaan;
- (b) Menyediakan bilik Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), makmal, bilik guru, kantin, asrama dan semua keperluan murid di sekolah yang mematuhi sepenuhnya Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah;

- (c) Merancang PdP melalui pendekatan yang bersesuaian berdasarkan model sesi persekolahan yang sesuai bagi sekolah berkenaan;
- (d) Menyediakan bahan PdP yang lebih efektif untuk semua murid sama ada yang hadir ke sekolah mulai 24 Jun 2020 (murid kelas peperiksaan) atau murid lain yang meneruskan sesi pembelajaran di rumah;
- (e) Merancang strategi PdP pada peringkat panitia untuk murid yang belajar di rumah;
- (f) Melaksanakan PdP dengan memaksimumkan semua kemudahan yang terdapat di sekolah;
- (g) Mengadakan perbincangan dan perkongsian antara guru di sekolah berkaitan PdP yang berkesan; dan
- (h) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh PGB.


5. Bagi guru dari Semenanjung yang bertugas di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan atau sebaliknya yang menghadapi masalah pengangkutan atau kesihatan untuk pulang ke tempat bertugas mestil menghubungi PGB. PGB juga boleh memberikan pertimbangan untuk guru bekerja dari rumah ataupun secara penggiliran jika guru berkenaan dalam kategori pasangan suami isteri yang bekerja, mempunyai anak berusia 12 tahun ke bawah atau anak berstatus Orang Kurang Upaya dan memerlukan penjagaan berterusan. Walau bagaimanapun, bagi pasangan suami isteri yang merupakan penjawat awam, hanya seorang (1) sahaja yang boleh menggunakan kemudahan ini pada satu-satu masa sehingga sekolah atau pusat penjagaan kanak-kanak dibuka semula. Bersama-sama ini juga disertakan Soalan Lazim (FAQ) berkaitan kehadiran guru pulang ke tempat bertugas dan menjalankan tugas yang diarahkan oleh PGB seperti dalam Lampiran 1.

6. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada semua pegawai di jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, sekolah-sekolah di bawah kawalan pihak YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



HAJI ADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia